

**AN ANALYSIS OF THE HARMFUL ELEMENTS OF SEXUAL DISABILITY IN THE ISLAMIC FAMILY LAW ENACTMENT (TERENGGANU) 2017**

**ANALISIS ELEMEN KEMUDARATAN KECACATAN SEKSUAL DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017**

Hamidah Harun<sup>1</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>2</sup> & Siti Khatijah Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup> (*Corresponding author*). Calon PhD, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. hamtaro0210@yahoo.com

<sup>2</sup> Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. mohdyusof@unisza.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu. khatijah@unisza.edu.my

<p><b>Vol. 12. No. 1</b>  <b>December Issue</b>  <b>2021</b></p>	<p><b>Abstract</b>  <i>Sexual disability is a term referring to the disruption and malfunction of the sex major organ. This matter has been discussed by jurists in the past as a basic guide and solution for such problems. The additional sexual aspect, apart from being a natural necessity, is also a measure to achieve the true purpose of a marriage, which is to produce offspring. The failure to achieve this objective is considered harmful and is required by Islamic law to be one of the reasons for the dissolution of marriage. This study aims to identify the harmful pattern of sexual disability as a reason for a dissolution of marriage in the Islamic Family Law Enactment (Terengganu). This qualitative study uses a document analysis method to analyse the harmful elements of sexual disability in Islamic Shariah and the Islamic Family Law Enactment (Terengganu). Interview methods were also conducted to strengthen the validity of the study data. The results show that the discussion of the reasons for the dissolution of marriage due to disability is clearly provided in Section 50 of the Islamic Family Law Enactment (Terengganu) 2017. The elements of harm can be found based on what is mentioned in the claim submitted. Hence, if proven, the couple or party with a sexual disability can obtain an order and consent to dissolve the marriage in the Syariah Court after assessed and examined by a judge based on evidence and witnesses presented during the trial.</i></p> <p>Keywords: <i>Sexual, Disability, Enactment, Harm, Terengganu.</i></p>
	<p><b>Abstrak</b>  <i>Kecacatan seksual merupakan istilah yang melibatkan organ utama seksual cacat atau fungsi utama organ seksual tergendala dan tidak berfungsi dengan baik. Perkara ini telah dibincangkan oleh fuqaha silam sebagai panduan asas dalam menyelesaikan masalah yang berlaku. Ini kerana, aspek seksual selain adalah keperluan fitrah manusia, juga merupakan cara (wasilah) untuk mencapai maqasid sebenar sebuah</i></p>

<p><i>pernikahan iaitu melahirkan zuriat keturunan. Kegagalan dalam mencapai objektif ini dikira suatu kemudaratan dan diharuskan syarak menjadi salah satu alasan pembubaran perkahwinan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kedudukan elemen kemudaratan kecacatan seksual sebagai alasan pembubaran perkahwinan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu). Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metodologi analisis dokumen untuk menganalisis elemen kemudaratan kecacatan seksual dalam Syariat Islam dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu). Kaedah temu bual juga dilakukan bagi menguatkan keabsahan data kajian. Hasil kajian menunjukkan perbincangan mengenai alasan pembubaran perkahwinan kerana kecacatan diperuntukkan secara jelas dalam Seksyen 50 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Elemen kemudaratan pula dapat dikesan berdasarkan apa yang disebut dalam tuntutan yang dikemukakan. Secara langsung, jika terbukti, pasangan atau pihak yang mengalami masalah kecacatan seksual boleh mendapatkan perintah dan persetujuan membubarkan pernikahan di Mahkamah Syariah setelah dinilai dan diteliti oleh pihak hakim berdasarkan keterangan dan bukti-bukti serta saksi-saksi yang telah dikemukakan semasa perbicaraan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Seksual, Kecacatan, Enakmen, Kemudaratan, Terengganu.</i></p>
--

## PENDAHULUAN

Hubungan seksual merupakan aspek penting dalam perkahwinan. Ini kerana, antara matlamat kehidupan suami isteri adalah melahirkan zuriat keturunan (Mohd Saleh bin Ahmad, 2012). Maka sudah tentu untuk mencapai maqasid dan objektif pernikahan adalah dilihat dari aspek hubungan seksual yang sempurna. Hubungan seksual yang sempurna memberi kesan kepada fizikal, emosi serta kesejahteraan umum dan kualiti hidup secara keseluruhan, jika hubungan seksual berlaku dengan baik, ia akan memberikan ketenangan dan keakraban antara pasangan (Renata Arrington, 2004).

Pasangan perlu memainkan peranan masing-masing demi menjaga kelestarian hubungan perkahwinan. Kecacatan seksual merupakan topik sensitif bagi setiap golongan. Namun, masalah kecacatan seksual yang timbul bukan hanya melibatkan golongan lelaki sahaja tetapi melibatkan kaum wanita tidak mengenal bangsa dan umur (Jennifer J. Wright, 2015).

Demi menjaga keharmonian sesebuah pernikahan, pihak tertentu juga perlu memainkan peranan dengan sebaiknya terutama dalam membantu masalah yang melibatkan isu kecacatan seksual. Akta dan enakmen undang-undang keluarga di setiap negeri sangat diperlukan dalam memahami dan menentukan sesuatu hukuman dengan jelas dan tepat. Peruntukan enakmen undang-undang keluarga di setiap negeri menjadi rujukan kepada mahkamah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai institusi berwajib dalam menilai dan menentukan sesuatu prosedur hukum dan masalah yang timbul. Perkara ini penting agar masalah dan pertikaian yang timbul antara pasangan ditentukan hukumnya berdasarkan syariat Islam.

Enakmen merujuk kepada satu proses undang-undang yang digubal, dipinda dan dibahas di bawah kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) pada negeri-negeri di semenanjung termasuk Sabah setelah kemerdekaan. Undang-undang kekeluargaan Islam di Malaysia merujuk kepada suatu undang-undang yang memperuntukkan berkenaan hal-hal yang berkaitan dengan pernikahan, perceraian dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan keduanya.

Definisi ini disebut dengan jelas di dalam tajuk ringkas Enakmen Undang-Undang Kekeluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu "suatu enakmen bagi mengadakan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah penjagaan dan

perkara-perkara lain berkaitan dengan kehidupan keluarga”.

Temubual pengkaji bersama pakar andrologi iaitu Mohd Ismail Mohd Tambi beliau mengatakan, kecacatan seksual merupakan masalah yang melibatkan fungsi organ utama seksual cacat (fizikal), sekiranya organ utama seksual tergendala atau tidak berfungsi dengan baik maka istilah yang digunakan adalah “*disfungsi seksual*”. Perkara ini telah dibincangkan oleh para *fuqaha* dengan tuntas. Kecacatan seksual dibincangkan dalam perbincangan kitab *fiqh* silam dibawah tajuk *bab al-khiyar fi an-nikah wa al-radd bil-ayb* yang bermaksud *khiyar* atau pilihan dalam pernikahan dan tertolak disebabkan kecacatan (An-Nawawi, t.th) atau dibawah tajuk pembubaran perkahwinan dengan kuasa kehakiman (Abu Zahrah, 2005). Manakala dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri (Terengganu) 2017 berada dibawah peruntukan seksyen 50 Perintah Untuk Membubarkan Perkahwinan Atau Untuk Fasakh.

Elemen kemudaran dinilai dari aspek peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Dalam sebuah perkahwinan, kecacatan atau keaiban ini boleh menjadi alasan yang membenarkan pembubaran perkahwinan berlaku. Justeru itu, kajian ini bertujuan menganalisis elemen kemudaran kecacatan seksual dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017. Terdapat banyak peruntukan yang disediakan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri yang dijadikan sebagai alasan untuk membubarkan perkahwinan, namun kajian ini hanya mengfokuskan kepada peruntukan yang disediakan berkaitan kecacatan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini pada dasarnya adalah kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk tujuan menganalisis data. Analisis kandungan adalah satu teknik penyelidikan yang membuat kesimpulan secara sistematik dan mencapai objektif melalui data berbentuk dokumen (Rohana Yusuf, 2004). Kaedah ini juga akan membuat satu penjelasan yang meneliti secara sistematik tentang sesuatu kandungan tersurat berbentuk teks (Sabitha Marican, 2005).

Analisis kandungan sangat sesuai dilakukan dalam penyelidikan berbentuk kualitatif (Schreirer Margit, 2012). Melalui kaedah ini, dokumen diteliti dan dijelaskan tafsiran yang terdapat di dalamnya. Bagi menguatkan data, kaedah temu bual juga digunakan dalam kajian ini. Kaedah temu bual merupakan aktiviti pengkaji untuk menyoal bagi mendapatkan jawapan dan respon yang diperlukan dari responden atau peserta kajian (Noraini Idris, 2010) Ini kerana, kaedah temu bual bertujuan untuk penerokaan suatu bidang baru, mengumpulkan data bagi melengkapkan pemahaman dan membina teori baru bagi sesuatu perkara (Flick, 2009).

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah bersifat analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan ini digunakan kerana sesuai dengan tajuk perbincangan. Bagi menilai dan menganalisis elemen kemudaran, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 menjadi rujukan dan panduan utama dalam kajian ini. Bahan-bahan dan karya yang berkaitan fokus kajian juga akan digunakan seperti pembubaran perkahwinan, kecacatan dan kecacatan seksual.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini membahagikan perbincangan kepada empat aspek utama. Pertama, maksud kecacatan seksual. Kedua, pandangan fuqaha terhadap pembubaran perkahwinan kerana kecacatan seksual. Ketiga, impak kemudaran terhadap enakmen. Keempat, elemen kemudaran kecacatan seksual menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

## **MAKSUD KECACATAN SEKSUAL**

Kecacatan disebut di dalam bahasa arab ‘*ayb*, atau *al-‘uyub* yang bermaksud perkara yang mengaibkan, atau cacat (Ibn Mandhur, t.th), ‘*ayb* atau ‘*uyub* juga memberi maksud sesuatu yang mempunyai kekurangan daripada fitrah asal yang sempurna (Al-Kafawiy, t.th)

Dalam kamus dewan edisi keempat, kecacatan memberi maksud perihal keadaan atau sifat kurang sempurna yang menjejaskan sesuatu keadaan atau sifat. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Kahfi ayat 79:

﴿أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرْدَتْ أَنْ أَعْيِبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا﴾

Maksudnya: "Adapun bahtera itu adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut, dan aku bertujuan merusakkan bahtera itu, karena di hadapan mereka ada seorang raja yang merampas tiap-tiap bahtera". (Al-Quran. Al-Kahfi: 79).

Perkataan "a'ibaha" pada ayat ini memberi maksud nabi Khidir ingin merosakkan kapal tersebut supaya tidak dirampas oleh raja yang zalim. Ini kerana, kapal yang mengalami kerosakan tidak akan dirampas. Hanya kapal yang elok dan sempurna sahaja akan dirampas oleh raja yang zalim (Al-Sabuniyy, 1981). Sudah tentu kapal yang mengalami kerosakan tidak akan memberi manfaat padanya kerana tidak dapat digunakan.


Muawwadh 'Abd Tawwab (1997) menyatakan kecacatan dari sudut istilah adalah kecacatan yang melibatkan kekurangan badan atau akal yang terdapat pada salah seorang pasangan dan kecacatan tersebut menghalang daripada tercapainya maqasid pernikahan dari aspek berseronok dalam kehidupan suami isteri.

Maksud kecacatan dari aspek sains perubatan memberi maksud yang lebih umum, melibatkan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan juga mereka yang mengalami masalah kesihatan atau penyakit yang dialami. Pasangan yang mempunyai penyakit atau masalah kesihatan akan mempengaruhi hubungan suami isteri (John S. Rolland, 1994).

Temu bual penulis bersama pakar andrologi Mohd Ismail Mohd Tambi menjelaskan istilah kecacatan seksual menurut perubatan adalah berbeza, ini kerana penggunaan istilah kecacatan adalah digunakan pada organ utama seksual cacat secara fizikal. Bidang *Fiqh* pula menggunakan istilah kecacatan atau keaiban melibatkan semua jenis penyakit bukan hanya tertumpu kepada anggota kelamin sahaja. Raihanah Abdullah (2016) menyatakan, kecacatan adalah dibawah kategori kekurangan suami isteri pada anggota badan dan akal yang boleh menghalang untuk mencapai objektif pernikahan berdasarkan uruf masyarakat setempat.

Secara umumnya, apa sahaja kekurangan atau kecacatan yang timbul pada pasangan yang melibatkan aspek fizikal, batiniah atau penyakit yang timbul dikategorikan sebagai kecacatan. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 dibawah seksyen 50 menyenaraikan kecacatan yang hampir sama seperti yang dinyatakan *fiqh* iaitu keaiban yang melibatkan cacat fungsi seperti mati pucuk, atau cacat organ seperti zakar terpotong, faraj tersumbat dengan daging dan tulang yang membenarkan pembubaran perkahwinan berlaku sekiranya telah sabit, termasuk gila, kusta, sopak dan penyakit berjangkit.

Sekalipun pasangan yang mengidap penyakit gila, kusta dan sopak tidak menghalang objektif pernikahan, tetapi dilihat dari aspek pasangan terpaksa menanggung kesusahan dan ketidakselesaan (kemudaratan) hidup bersama. Justeru, kajian ini akan menggunakan istilah kecacatan seksual secara umum dan tidak terbatas kepada kecacatan anggota sahaja tetapi dilihat juga dari aspek ketidakfungsian sebagaimana yang dibicarakan dalam *fiqh* iaitu kecacatan yang menggagalkan objektif pernikahan tercapai. Penelitian terhadap maksud kecacatan secara ringkasnya dapat memberi maksud sebagaimana gambar rajah di bawah:



Rajah 1.1: Kategori Kecacatan Seksual

### **PANDANGAN FUQAHA TERHADAP PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA KECACATAN SEKSUAL**

Majoriti *fuqaha* Hanafi (Ibn Hamam, t.th), Maliki (Al-Dusuqiyy, t.th), Syafie (Al-Shiraziyy, 1985) dan Hambali (Ibn Qudamah, 1405H) bersepakat mengharuskan pembubaran perkahwinan disebabkan dua kecacatan yang khusus kepada lelaki iaitu mati pucuk (*al-unnah*) dan terpotong seluruh zakar (*al-jubb*) yang sudah tentu memberi kegagalan kepada persetubuhan. Manakala mereka berselisih pendapat dalam kategori kecacatan yang lain.

Dikalangan mereka ada yang berpandangan sederhana dan terbuka dalam mengeluarkan pendapat, tidak kurang ada yang mengharuskan pembubaran perkahwinan kerana kecacatan secara mutlak. Mereka mengharuskan pembubaran berlaku tanpa menghadkan jenis kecacatan tertentu. Dalam perselisihan ini terdapat lima pendapat:

- i. Pendapat pertama merupakan pandangan daripada Abu Hanifah dan Abu Yusuf, mereka berpandangan bahawa isteri berhak memohon untuk membubarkan perkahwinan jika sekiranya kecacatan tersebut menghalang daripada persetubuhan berlaku dengan sempurna, seperti mati pucuk, zakar terpotong dan lelaki yang melakukan pengkasian. Sekiranya persetubuhan berlaku dengan sempurna walaupun hanya satu kali, isteri tersebut tidak berhak untuk menuntut fasakh (Al-Kasaniyy, 1896; Ibn Hamam, t.th).
- ii. Pendapat kedua pula merupakan pandangan Muhammad dari kalangan Mazhab Abu Hanifah. Beliau berpandangan bahawa isteri berhak memohon untuk membubarkan perkahwinan jika sekiranya kecacatan tersebut selain dari mati pucuk, zakar terpotong dan lelaki yang melakukan pengkasian. Namun membenarkan pihak isteri memohon fasakh sekiranya pasangan mempunyai penyakit seperti gila, sopak dan kusta. Ini kerana, gila, sopak dan kusta memberi mudarat yang lebih besar kerana boleh menyebabkan jangkitan daripada kecacatan yang menghalang persetubuhan (Al-Kasaniyy, 1896; Ibn Hamam, t.th).
- iii. Pendapat ketiga merupakan pandangan majoriti mazhab Syafie yang berpandangan, salah seorang pasangan berhak untuk membuat pilihan dalam membubarkan perkahwinan jika sekiranya terdapat tujuh kecacatan sahaja, iaitu tiga kecacatan yang melibatkan kedua-dua pihak sama ada suami atau isteri iaitu gila, kusta dan sopak. Dua kecacatan yang khusus kepada lelaki iaitu mati pucuk (*al-unnah*) dan zakar terpotong (*al-jubb*), kemudian dua jenis kecacatan yang khusus kepada wanita sahaja iaitu kemaluan tersumbat disebabkan daging (*al-ritqu*) atau tulang (*al-qarnu*). Manakala selain daripada kecacatan yang disebutkan tidak diharuskan membubarkan perkahwinan (Al-Shiraziyy, 1985).
- iv. Pendapat keempat daripada pandangan mazhab Maliki dan majoriti mazhab Hambali yang berpandangan, suami atau isteri diberi pilihan sekiranya salah seorang mempunyai kecacatan yang berkongsi seperti gila (*al-junun*), kusta (*al-juzam*), sopak (*al-baras*) dan (*'azyathah*) iaitu terbuang air besar atau terkencing ketika persetubuhan. Begitu juga sekiranya salah seorang mempunyai kecacatan yang menghalang persetubuhan seperti mati pucuk (*al-unnah*), zakar terpotong (*al-jubb*), lelaki yang melakukan pengkasian (*al-khisa'*), faraj tersumbat disebabkan daging (*al-ritqu*) dan tulang (*al-qarnu*), begitu juga lendiran dan bau yang busuk (*al-bakhru*) dari kemaluan wanita. Mereka tidak mengharuskan pembubaran berlaku selain daripada kecacatan yang disebutkan. Hal ini kerana, kecacatan yang

disenaraikan adalah menghalang pasangan dalam mencapai *istimta'* keseronokan dan maksud nikah (Al-Baghdadiyy, t.th. Ibn Qudamah, 1405H).

- v. Pendapat kelima pula merupakan pandangan al-'Akbariyy<sup>1</sup>, Ibn Taymiyyah (1987) dan Ibn Qayyim Al-Jawziyy (1994) menyatakan semua kecacatan yang berjangkit atau kecacatan yang tidak menghasilkan maksud pernikahan seperti kasih sayang dan belas kasihan, wajib membuat pilihan untuk memutuskan perkahwinan tanpa menentukan apa-apa kecacatan termasuklah buta, pekak, bisu, begitu juga sekiranya patah kedua tangan dan kaki atau kudung tangan dan kaki tempang.

Berdasarkan lima pendapat tersebut, menunjukkan bahawa bukan semua jenis kecacatan yang membenarkan fasakh. Akan tetapi terdapat kategori-kategori yang dibenarkan. Kategori yang dibenarkan adalah melihat dari aspek kecacatan yang menghalang hubungan kelamin berlaku. Begitu juga pendapat terakhir yang menyatakan sekiranya perkahwinan tersebut sudah tidak mempunyai belas kasihan dan kasih sayang antara pasangan juga dibenarkan untuk memohon fasakh. Ini dapat dilihat ada fuqaha yang mengharuskan secara mutlak tanpa meletakkan sebab-sebab yang khusus, dan ada yang tidak mengkategorikan kepada sebab yang tertentu tapi melihat kepada objektif sebenar perkahwinan iaitu melahirkan zuriat keturunan.

### IMPAK KEMUDARATAN KECACATAN SEKSUAL TERHADAP ENAKMEN

Aspek asas untuk menentukan sesuatu perkara atau hukuman terhadap manusia adalah berpandukan al-Quran, as-Sunnah, ijmak dan qiyas. Justeru, setiap kemudaratan yang timbul perlu dihapuskan dan dihilangkan berdasarkan hadis Nabi SAW yang berbunyi:

{ عن ابن عباس رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا ضرر ولا ضرار }

Maksudnya: "Daripada Ibnu 'Abbas berkata, Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan" (Hadis. Ibn Majah. No. 2341)

Berdasarkan hadis diatas, kemudaratan dapat dilihat dari pelbagai aspek. Ada yang melibatkan individu itu sendiri dan yang melibatkan individu lain. Maka aspek kemudaratan ini perlu dinilai sekiranya memberi mudarat kepada pasangan atau sebelah pihak sahaja. Ini kerana, kemudaratan yang timbul sama ada terhadap individu itu sendiri atau pihak lain maka ia perlu dihalang dan dihapuskan sekiranya mampu berbuat demikian.

Sebuah perkahwinan yang harmoni akan mencapai sakinah, mawaddah dan rahmah. Maka, pasangan perlu berusaha bagi mencapai tujuan tersebut. Pencapaian aspek mawaddah contohnya, dalam sesebuah pernikahan adalah apabila pasangan suami isteri dapat melakukan hubungan seksual (Nur Faezah Musthapar, 2020). Kecacatan seksual yang timbul antara pasangan memudaratkan dan menjejaskan keharmonian dan kelestarian sesebuah pernikahan.

Pasangan yang gagal memberikan hak dan melunaskan fitrah semulajadi seorang manusia dalam aspek hubungan seksual akan memberikan impak yang negatif. Mereka yang menderita dari aspek kecacatan juga akan mengalami seperti kemurungan serta *stress* (Shaniff Esmail, 2001) dan menderita dalam diam. Kementerian Kesihatan Malaysia (2012) menyatakan kesihatan dari aspek seksual bukan hanya meliputi perhubungan seksual sahaja, tetapi melibatkan aspek yang luas berkait dengan fizikal, mental, emosi dan sosial seseorang.

Setiap individu di Malaysia boleh merujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri masing-masing sekiranya berlaku permasalahan. Ini kerana,

---


<sup>1</sup> Al-'Akbariyy ialah Abu 'Aliyy Al-Hasan Bin Shihab bin 'Aliyy Al-'Akbariyy Al-Hambaliyy, dilahirkan pada tahun 335, beliau merupakan seorang imam dalam Fiqh, bahasa arab dan juga syair. Beliau juga membuat perumpamaan yang sangat baik dalam penulisannya dan telah mewasiatkan 1/3 daripada harta peninggalannya untuk diberikan kepada fuqaha Hanbali. Beliau meninggal dunia pada bulan Rejab pada tahun 428. Al-Dhahabiyy, *Siyar A'lam Al-Nubala'*. Jld. 17. H. 542. Ed. 3. Mu'asasah Al-Risalah: 1985.

kesemua undang-undang kekeluargaan Islam di setiap negeri memperuntukkan hak-hak yang boleh dicapai dan juga memerlukan kepada tanggungjawab tertentu yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu. Selain itu, undang-undang ini juga memperuntukkan tentang tatacara, keterangan, pembuktian dan juga kesalahan-kesalahan tertentu yang boleh dijatuhkan hukuman.

Impak kemudaratan kecacatan seksual dapat dilihat apabila pelaksanaan hukum dibuat. Pasangan yang menyedari terdapat kekurangan terhadap hubungan seksual mereka, boleh mendapatkan nasihat dan merujuk pakar yang terbabit. Ini kerana, kecacatan seksual merupakan salah satu alasan yang membenarkan pembubaran perkahwinan berlaku. Pembubaran perkahwinan atau fasakh merupakan suatu tindakan memutuskan dan membatalkan akad perkahwinan atas sebab-sebab yang tertentu di bawah takat kuasa hakim. Fasakh berbeza dengan talak kerana lafaz talak dilakukan secara langsung oleh suami. Fasakh pula dijatuhkan oleh hakim dan tidak mengurangkan jumlah talak (Wahbah Zuhayliyy, 1997). Merupakan jalan terakhir yang dipilih oleh pihak isteri setelah kehidupan bersama suami tidak dapat diteruskan (Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria, 2018).

Fasakh dinyatakan di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Terengganu 2017 sebagai “pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu hal keadaan yang diharuskan oleh hukum syarak mengikut seksyen 50”. Perceraian melalui fasakh berbeza dengan talak, ini kerana, talak merupakan hak dan kuasa eksklusif diberikan hanya kepada suami. Manakala fasakh, memerlukan kepada alasan-alasan yang kukuh disisi syarak untuk membenarkan pembubaran berlaku (Al-Kasaniyy, 1896; Al-Sharbiniyy, t.th; Al-Muti’iyy, t.th; Ibn Qudamah, 1405H). Kesan fasakh disebabkan kecacatan antaranya ialah, sekiranya isteri memohon fasakh sebelum hubungan kelamin berlaku, maka pihak isteri tidak berhak mendapatkan mas kahwin kerana mas kahwin perlu dibayar dengan berlakunya persetubuhan.

Berdasarkan carta 12 proses kes perceraian secara ta’liq atau fasakh yang diakses daripada Jabatan Kehakiman Malaysia ialah bermula dari permohonan suami atau isteri ke mahkamah dengan alasan-alasan yang dibenarkan oleh syarak. Pasangan yang ingin memohon fasakh perlu melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. Secara asasnya perlu melalui proses berdasarkan gambar rajah di bawah:



Rajah 1.2: Carta Aliran Perceraian Melalui Fasakh

Berdasarkan gambar rajah di atas, tuntutan fasakh bermula di kaunter mahkamah untuk membuat permohonan, bayaran yuran dan pendaftaran kes. Seterusnya pihak mahkamah akan memberikan tarikh dan masa hadir ke mahkamah (hendaklah tidak melebihi 21 hari dari tarikh didaftarkan). Kemudian mahkamah akan menyerahkan saman kepada suami atau isteri (tidak melebihi 21 hari dari tarikh kes didaftarkan).

Seterusnya kedua-dua pasangan perlu hadir ke mahkamah pada masa dan tarikh yang ditetapkan dengan membawa dokumen asal sijil nikah atau sijil rujuk nikah beserta dokumen pengenalan diri. Pelantikan peguam, dokumen perbicaraan (dalam tempoh tidak melebihi 1 bulan), senarai semak, penyata tuntutan dan pembelaan serta tuntutan balas (jika ada), kemudian dokumen-dokumen berkaitan pembuktian seperti laporan polis,

laporan doktor, resit-resit atau bil-bil dan sebagainya. Fakta-fakta yang dipersetujui dan yang tidak dipersetujui juga perlu dikemukakan.

Pihak mahkamah akan meminta pasangan hadir bicara pada tarikh dan masa yang ditetapkan untuk memberi keterangan. Saksi untuk menyokong keterangan juga diperlukan. Selepas mengemukakan hujahan bertulis, kedua-dua pasangan akan menerima keputusan daripada hakim. Perintah perceraian dikeluarkan dan suami atau isteri akan menerima rekod perceraian. Proses yang terakhir adalah pasangan perlu segera ke Jabatan Agama Islam negeri masing-masing untuk proses daftar cerai. Bayaran yuran daftar cerai perlu diberikan dan jabatan Agama Islam akan mendaftar rekod cerai kemudian menyerahkan sijil cerai.

Berdasarkan prosedur yang dinyatakan, banyak proses yang perlu dilalui oleh pasangan yang memohon fasakh. Hal ini kerana, pasangan telah melalui proses pernikahan yang sah maka pembubaran perkahwinan juga perlu melalui proses yang sah di mahkamah. Jika dilihat proses yang perlu dibuat sebelum perbicaraan, suami atau isteri perlu mengemukakan dokumen-dokumen pembuktian bagi mengukuhkan dakwaan, melibatkan laporan doktor perubatan dan pakar-pakar terbabit.

Maka sudah tentu pembubaran kerana kecacatan seksual pada dasarnya jika aduan dibuat, pihak plaintif perlu melampirkan bukti-bukti jika telah ada atau mahkamah akan memberi tempoh dan meminta pihak suami atau isteri untuk mengemukakan bukti yang kukuh serta pihak isteri perlu bersumpah atas kenyataan yang diberikan sebelum mensabitkan hukuman fasakh. Sekiranya tuntutan fasakh dari pihak isteri tidak berjaya, mahkamah akan memberi panduan untuk membuat permohonan lain seperti ta'liq atau tebus talak. Hal ini kerana, pembubaran perkahwinan melalui fasakh memerlukan kepada penilaian dan penelitian yang terperinci dan tidak terburu dengan mudah<sup>2</sup>.

#### **ELEMEN KEMUDARATAN KECACATAN SEKSUAL DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017**

Terdapat enakmen yang memperuntukkan alasan-alasan yang dibenarkan pembubaran perkahwinan kerana kecacatan berlaku. Sekiranya seorang suami atau isteri mempunyai masalah berkaitan dan mengadu kepada hakim, maka pihak hakim akan mempertimbangkan alasan-alasan yang dikemukakan.

Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh telah diperuntukkan dalam seksyen 50 (1) iaitu:

*"seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan berikut, iaitu,*

*(d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;*

*(e) bahawa suami telah mati pucuk pada waktu perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;*

Manakala Seksyen 50 (2);

*"seseorang lelaki yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapatkan perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tidak upaya mengikut Hukum Syarak yang menghalang persetubuhan"*

Seksyen 50 (6);

*"sebelum membuat satu perintah atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan (1) (e) Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah menghendaki suami memuaskannya hati mahkamah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskannya hati mahkamah*

---

<sup>2</sup> Temu bual pengkaji bersama Aishah binti Rosli. Pengamal Undang-Undang Syariah Negeri Terengganu pada 19 Oktober 2021.

*sedemikian dalam tempoh itu, tiada suatu perintah boleh dibuat atas alasan itu.*

Impak kemudaratan seksual juga boleh dilihat melalui peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri yang memberi kebenaran kepada pasangan untuk membubarkan perkahwinan. Kecacatan seksual seperti mati pucuk diperuntukkan dengan jelas dalam enakmen. Namun, kecacatan seksual melibatkan wanita seperti faraj tertutup dengan daging dan tulang tidak dinyatakan dengan jelas namun terdapat enakmen yang memperuntukkan “mana-mana lelaki yang berkahwin menurut syarak berhak mendapatkan perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tidak upaya mengikut hukum syarak yang menghalang persetubuhan”.

Memberi kefahaman bahawa, apa-apa sahaja yang menghalang persetubuhan berlaku maka pihak lelaki juga berhak memohon membubarkan perkahwinan. Begitu juga sekiranya kecacatan yang timbul berkaitan alat kelamin yang menghalang hubungan kelamin berlaku. Seperti contoh lelaki terpotong zakar, mati pucuk atau tiada buah zakar atau wanita yang tertutup faraj dengan daging atau tulang. Memberi maksud Kecacatan yang dialami akan menyebabkan terhalang daripada persetubuhan berlaku dengan sempurna disebabkan terdapat penyakit yang menjijikkan atau merbahaya.

Penyakit yang menjijikkan akan memudaratkan pasangan walaupun hubungan seksual dapat dilakukan. Seperti kurap, kusta dan apa sahaja yang boleh memudaratkan pasangan tersebut seperti keadaan yang boleh menyebabkan kemaluan wanita mengalami kegatalan atau membawa kepada penyakit kulit<sup>3</sup>. Frasa ‘Hukum Syarak’ yang dinyatakan di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 memberi erti “Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali”.

Kenyataan ini dapat difahami bahawa, apa-apa sahaja sebab yang menghalang persetubuhan berlaku sama ada kerana penyakit atau kecacatan, permohonan membubarkan perkahwinan adalah dibenarkan berdasarkan keterangan dan bukti-bukti yang dikemukakan. Begitu juga sekiranya alasan fasakh disebabkan suami mati pucuk, mahkamah akan memperuntukkan tempoh selama satu tahun supaya suami dapat mengemukakan suatu bukti bahawa dia tidak mati pucuk. Jika tidak, tiada suatu hukuman dilaksanakan. Ini dapat dilihat selari dengan pengamalan Sayidina Umar R.A:

ما روى عن عمر رضي الله عنه أنه قال في العنين: {يؤجل سنة، فإن قدر عليها، وإلا فرق بينهما، ولها المهر، وعليها العدة}

Maksudnya: Diriwayatkan bahawa Saidina ‘Umar berkata berkenaan mati pucuk: “diberikan tempoh selama setahun, sekiranya mampu. Jika tidak, pisahkan di antara keduanya, berikan mahar dan wanita tersebut perlu beriddah”. (Sunan Al-Kubra Li Al-Baihaqiyy. Bab Ajala Al-Innin. 2003)

Dapat difahami bahawa pihak isteri diberikan tempoh menunggu selama satu tahun sekiranya dia mampu, jika tidak mampu menunggu maka dia berhak memohon fasakh. Begitu juga sekiranya pembuktian seperti dokumen dari pakar perubatan mengesahkan bahawa dia mati pucuk dan tidak dapat dirawat, maka pihak mahkamah akan menilai dan meneliti sebelum membubarkan perkahwinan berdasarkan keputusan dan takat kuasa hakim.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada perbincangan fuqaha dan penelitian terhadap enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 di atas, jenis kecacatan seksual yang dinyatakan hanya melibatkan fizikal dan fungsi. Pembahagian dari aspek kecacatan fungsi

<sup>3</sup> Temu bual pengkaji bersama Aishah binti Rosli. Pengamal Undang-Undang Syariah Negeri Terengganu pada 19 Oktober 2021.

dan fizikal ini dilihat tidak mencukupi, hal ini kerana perkembangan mutakhir ini pula dilihat timbul kecacatan dari aspek naluri seksual. Ini berkait dengan penyimpangan seksual, keinginan seksual yang tinggi dan ketagihan melihat video lucah.

Terdapat kes yang dilaporkan kelakuan suami yang ketagihan melihat video lucah dan memaksa isteri meniru aksi tersebut membawa kepada faktor berlakunya keganasan rumah tangga dan pembubaran perkahwinan (Nurul Hasna' Hazni & Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahalan, 2017). Kecacatan naluri seperti ini adalah suatu bentuk kemudaratan yang perlu dihalang kerana ia bukan hanya mengganggu emosi pasangan, tetapi boleh menggugat sesebuah institusi perkahwinan.

Temu bual awal pengkaji bersama Aishah Rosli merupakan pengamal undang-undang syariah negeri Terengganu menyatakan, kes tuntutan fasakh disebabkan kecacatan seksual di negeri Terengganu jarang ditemui<sup>4</sup>. Terdapat banyak tuntutan fasakh disebabkan "gagal memberikan nafkah batin", namun nafkah batin disini tidak hanya memberi maksud pasangan mempunyai masalah kecacatan seksual, tetapi pihak terbabit yang memilih untuk sedemikian.

Contohnya, suami memberi alasan tidak mahu melakukan hubungan kelamin bersama isteri kerana tidak mahu mendapatkan zuriat. Selain itu terdapat juga suami yang tidak mempunyai rangsangan terhadap isteri namun mempunyai rangsangan terhadap wanita lain apabila menggunakan aplikasi *whatsapp* sehingga mengeluarkan mani apabila menggunakan perkataan lucah ketika berkomunikasi.

Situasi yang berlaku ini dapat memberi kefahaman bahawa, suami tersebut tidak mempunyai kecacatan dari aspek fizikal dan fungsi, tetapi mempunyai kecacatan dari aspek naluri seksualnya. Pasangan yang tidak berpuas hati terhadap salah satu pihak yang tidak berusaha untuk memberi kepuasan terhadap keinginan seksual mereka akan mencari jalan terakhir iaitu perceraian (Muhammad Iqbal Hakimi Armaz Arriffin, 2012).

## KESIMPULAN

Kajian mendapati peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 melalui seksyen 50 (Perintah Untuk Membubarkan Perkahwinan Atau Fasakh) yang membenarkan suami atau isteri mengemukakan permohonan fasakh atas alasan kemudaratan disebabkan kecacatan seksual dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 50 (1) (e) dan (2), yang memperuntukkan kecacatan sebagai alasan membubarkan perkahwinan tidak kira kecacatan timbul di pihak suami atau isteri. Alasan tersebut seperti suami mati pucuk, dan isteri yang tidak berupaya mengikut syarak untuk melakukan persetubuhan.

Berdasarkan enakmen yang diperuntukkan, dapat disimpulkan bahawa, apa-apa sahaja bentuk kecacatan atau penyakit yang timbul, pasangan berhak memohon fasakh melalui prosedur, keterangan dan pembuktian yang ditetapkan oleh mahkamah. Ini kerana, kecacatan yang memberi kesan terhadap keharmonian sesebuah rumah tangga dalam aspek hubungan seksual yang sempurna akan memudaratkan pasangan.

Walaupun begitu, kemudaratan bukan hanya dilihat dari aspek tidak mencapai objektif pernikahan sahaja, tetapi dilihat dapat memberi kesan mudarat terhadap jiwa dan perasaan pasangan. Jika masalah timbul, pihak terbabit perlu tampil mengemukakan bukti dan keterangan berserta sumpah.

Ini kerana, perceraian melalui fasakh memerlukan kepada penilaian dan penelitian yang sangat terperinci. Pengkaji berharap dapatan kajian yang dibentang dan dirumuskan dapat memberi pencerahan dan kefahaman kepada pasangan yang mengalami masalah ini supaya dapat berbincang dan memohon pandangan mahkamah supaya dapat menyelesaikan dengan cara yang baik.

---

<sup>4</sup> Skop kajian ini hanya menfokuskan kepada analisis enakmen sahaja. Adapun temu bual awal pengkaji bersama pengamal undang-undang adalah merupakan tinjauan terhadap pengamalan yang dibuat sekiranya tuntutan fasakh dibuat atas alasan suami atau isteri mempunyai kecacatan seksual.

## RUJUKAN

- 'Abdullah Bin Ahmad Bin Qudamah Al-Maqdisiyy. 1405H. *Al-Mughni Fi Fiqh Imam Ahmad Bin Hanbal Al-Shaybaniyy*. Bayrut: Dar Al-Fikr. Ed. 1.
- Abu 'Abdullah Muhammad Bin Yazid Al-Qazwiniyy. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Misr: Dar Ihya' Al-Kutb Al-Arabiyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad Abu Zahrah. 2005. *Al-Ahwal Al-Shakhsiyyah*. Qahirah: Dar Al-Fikr.
- Ahmad Bin Al-Husayn, Abu Bakar Al-Baihaqiyy. 2003. *Sunan Al-Kubra*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ayyub Bin Musa Al-Kafawiyy. t.th. *Al-Kulliyat Mu'jam Fi Al-Mustalahat Wa Al-Furuq Al-Lughawiyah*. Bayrut: Mu'assasah Al-Risalah.
- Al-Baghdadiyy. t.th. *Irshad Al-Salik Ila Ashraf Al-Masalik Fi Fiqh Al-Imam Al-Baghdadiyy*. t.thp: t.pt.
- Flick, Uwe. 2009. *An Introduction to Qualitative Research*. London: SAGE Publication Ltd.
- Ibn Mandhur, Muhammad bin Mukarram bin 'Aliyy. t.th. *Lisan al-Arab*. t.thp: t.pt.
- Ibn Taymiyyah. 1987. *Al-Fatawa Al-Kubra*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Ed. 1.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. 1994. *Zaada Al-Ma'ad Fi Huda Khayr Al-'Ibad*. Bayrut: Mu'assasah Al-Risalah. Ed. 27.
- Al-Kamal Ibn Hamam. t.th. *Fath Al-Qadir*. t.thp: Dar Al-Fikr.
- Al-Kasaniyy. 1896. *Bada'i' Al-Sana'i' Fi Tartib Al-Shara'i'*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Ed. 2.
- Mohd Saleh bin Ahmad. 2012. *Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid SDN BHD.
- Muawwadh 'Abd Al-Tawwab. 1997. *Mawsu'ah Al-Ahwal Al-Shakhsiyyah*. Al-Ma'arif Al-Iskandariyyah.
- Muhammad bin Ahmad Al-Dusuqiyy. t.th. *Hashiyah Al-Dusuqiyy 'Ala Al-Sharh Al-Kabir*. t.thp: Dar Al-Fikr.
- Al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Yahya Bin Sharaf. t.th. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhazzab*. t.thp: Dar Al-Fikr.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Mc Graw Hill Education.
- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Al-Sabuniyy, Muhammad 'Aliyy. 1981. *Safwah Al-Tafasir*. Bayrut: Dar Al-Quran Al-Karim.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Hall.
- Schreier Margit. 2005. *Qualitative Content Analysis in Practice*. London: SAGE Publications Ltd.
- Al-Shiraziyy. 1985. *Al-Muhazzab*. Bayrut: Maktabah Al-Islamiyy.
- Tariq Salih Yusuf Azzam. t.th. *Athar Al-Tibb Al-Shari' Fi Ithbat Al-Huquq Wa Al-Jara'im*. Urdun: Dar Al-Nafa'is.
- Wahbah Al-Zuhayliyy. 1997. *Fiqh Islamiyy Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.

## Jurnal

- Jennifer J. Wright & Kim M. O'Connor. 2015. *Female Sexual Dysfunction*. Elsevier. 607-628.
- Johd S. Rolland. 1994. *In Sickness and In Health: The Impact of Illness on Couples' Relationships*. 1994. Journal of Marital Status and Therapy. Vol. 20. No. 4. 327-347.
- Muhammad Iqbal Hakimi Armaz Arriffin, Muhammad Syabil Fadzil & Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Pembubaran Perkahwinan dalam Islam*. Prosiding Seminar Tamadun 2012 at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012. 109-127.
- Mohd Zaidi Md Zain @ Zakaria & Raihanah Hj. Abdullah. 2018. *Tuntutan Fasakh: Kajian Dari Perspektif Undang-undang Tatacara Mal*. Journal of Shariah Law Research. No. 3 (1) 1-34.
- Nur Faezah Musthapar, Raihanah Hj Azahari & Bahiyah Ahmad. 2020. *Sakinah, Mawaddah and Rahmah in Husband-Wife Relationship: A Literature Review*. Jurnal Syariah. Jil. 28. Bil. 1.

Nurul Hasna' binti Hazni & Mohd Akram bin Dato' Dahaman@Dahalan. *Keganasan Seksual dalam Rumahtangga: Faktor penyumbang berdasarkan kes-kes Pembubaran Perkahwinan*. 2017. Journal of Islamic, Social, Economics and Development. Vol. 2. Issue. 6. 335-351.

Raihanah binti Abdullah, Mahamatayuding samah & Mohd Norhusairi Mat Hussin. 2017. *Kecacatan Sebagai Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Renata Arrington, Joseph Cofrancesco & Albert W. Wu. 2004. *Questionnaires to Measure Sexual Quality of Life*. Kluwer Academic Publishers. Quality of life Research 13. 1643-1658.

Shaniff Esmail, Yashmina Esmail & Brenda Munro. *Sexualtiy and Disability: The Role of Health Care Professionals in Providing Options and Alternatives for Couples*. 2001. Human Sciences Press, Inc. Vol. 19. No. 4. 267-282.

### **Enakmen**

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

### **Internet**

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Carta Aliran Proses Perceraian di Mahkamah Syariah. [http://www.esyariah.gov.my/images/esyariah/Document/RisalahJKSM/Pamplet\\_Carta\\_Aliran\\_Proses\\_Perceraian\\_di\\_Mahkamah\\_Syariah.PDF](http://www.esyariah.gov.my/images/esyariah/Document/RisalahJKSM/Pamplet_Carta_Aliran_Proses_Perceraian_di_Mahkamah_Syariah.PDF) (diakses pada 11 September 2021).

Kementerian Kesihatan Malaysia (MyHealth). Pengurusan Masalah Seksual Isteri. <http://www.myhealth.gov.my/pengurusan-masalah-seksual-suami-isteri/> (diakses pada 19 Oktober 2021).

Kementerian Kesihatan Malaysia (MyHealth). Memahami Seksualiti. <http://www.myhealth.gov.my/memahami-seksualiti/>(diakses pada 19 Oktober 2021).

### **Temubual**

Dr. Mohd Ismail bin Mohd Tambi. Pakar Andrologi. 27 Jun 2021.

Aishah binti Rosli. Pengamal Undang-Undang Syariah Negeri Terengganu. 19 Oktober 2021.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*